

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi
Sent: Saturday, 2 April, 2016 1:05 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Norsiah binti Abdul Hamid
Subject: UKHWAH TERJALIN ANTARA UPSI DAN UUM



**Pusat Pengajian Teknologi
Multimedia dan Komunikasi**

SCHOOL OF MULTIMEDIA TECHNOLOGY AND COMMUNICATION

Universiti Utara Malaysia



2 APRIL 2016 / 24 JAMADILAKHIR 1437H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/YBrs. Prof/Prof. Madya/Dr/Tuan/Puan/Cik

UKHWAH TERJALIN ANTARA UPSI DAN UUM



UKHWAH TERJALIN ANTARA UPSI DAN UUM

SMMTC ONLINE: Seramai 40 orang pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang merupakan ahli Persatuan Multimedia Kreatif (PMK) UPSI bersama penasihat, En Nazree bin Abdul Rashid turut disertai dua orang wakil daripada Majlis Perwakilan Pelajar UPSI telah membuat lawatan akademik ke Universiti Utara Malaysia. Delegasi UPSI telah disambut baik oleh badan pelajar Kelab Multimedia UUM bersama penasihat. Sesi perbincangan telah diadakan di Bilik Mesyuarat Utama, Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi (SMMTC) dengan tajuk Kebolehpasaran Graduan Multimedia yang dihadiri oleh dekan kedua – dua belah pihak iaitu Dekan SMMTC, Dr. Norsiah Abdul Hamid dan Dekan Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif (FSKIK), Dr. Maizatul Hayati Mohamad Yatim beserta pegawai kanan.

Kunjungan wakil pelajar UPSI selama 3 hari 2 malam ini secara langsungnya juga bertujuan untuk menyokong hasrat universiti bersempena dengan Discover UUM 2016. Program yang diberi nama Integrasi Multimedia UPSI-UUM telah memberi peluang kepada mahasiswa yang terlibat untuk berkongsi pengalaman dan idea mengenai pelaksanaan aktiviti berkaitan pembangunan pelajar, khususnya dalam pembinaan sahsiah dan kemahiran insaniah selain daripada memulakan salam perkenalan bagi merapatkan hubungan antara dua universiti.

Antara aktiviti menarik yang telah dijalankan sepanjang program adalah Jom Mengimarahkan Masjid dan Perbincangan 3 Kuasa MPP yang diwakilkan oleh ahli MPP UUM, UPSI dan Politeknik MetRo, Pulau Pinang. Mahasiswa yang terlibat juga turut menyertai program bakti siswa di Kuala Kedah, Save Our Shores Man in the Mangrove Siri II dan juga dibuat untuk mendedahkan keunikan yang ada di UUM. Lawatan yang bermatlamat untuk mendapatkan maklumat berterusan dan mencari kesinambungan badan pelajar antara UUM-UPSI diakhiri dengan Majlis Penutup dan penyampaian cenderahati.

Habis.

=====

PUSAT PENGAJIAN TEKNOLOGI MULTIMEDIA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 UUM SINTOK
KEDAH DARUL AMAN
TEL.: 04 - 928 5800/5801/5802/5803
FAKS :04 - 928 5804
E-MEL: mmtc@uum.edu.my

